Teras Strategik 4

Meletakkan sistem kewangan pada kedudukan yang memudahkan peralihan secara teratur kepada ekonomi lebih lestari

Perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar menimbulkan cabaran dan peluang yang tidak pernah dihadapi sebelum ini yang akan membentuk semula landskap ekonomi dan kewangan. Hal ini termasuk:

- **Risiko fizikal.** Peristiwa berkaitan cuaca yang melampau dan perubahan iklim secara beransur- ansur boleh merosakkan harta benda dan mengganggu aktiviti perniagaan. Selain menimbulkan risiko kepada mata pencarian dan dalam kes yang sangat ekstrem boleh mengancam nyawa, perkembangan sedemikian turut meningkatkan risiko kewangan kepada institusi kewangan berikutan kemerosotan kepercayaan kredit peminjam yang teruk terjejas. Selain itu, hal ini akan mengakibatkan kos perlindungan kewangan yang meningkat atau berkemungkinan mengurangkan keupayaan insurans dan takaful. Risiko fizikal juga memberikan kesan kepada nilai pelaburan dan cagaran, melibatkan kemusnahan aset atau kerosakan ketara akibat peristiwa iklim atau alam sekitar.



- **Risiko peralihan.** Penyesuaian kepada ekonomi rendah karbon mungkin melibatkan perubahan pada dasar awam, rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan, teknologi atau respons masyarakat berkemungkinan memberikan kesan ke atas ekonomi dan sektor kewangan. Pada peringkat global, kadar penyesuaian sedemikian semakin dipergiat, dengan lebih banyak negara dan organisasi besar telah memberikan komitmen terhadap pelepasan neutral karbon atau pelepasan sifar bersih (*net-zero emissions*). Dasar untuk menggalakkan ekonomi kitaran[1] juga semakin pesat dilaksanakan yang turut menyumbang kepada perubahan yang sejajar dengan hasil alam sekitar dan kemakmuran sosioekonomi jangka panjang. Perubahan kehendak pengguna dan pelabur, tekanan pengawalseliaan serta kemajuan teknologi menimbulkan risiko terhadap perniagaan. Sebagai sebuah ekonomi berorientasikan eksport, Malaysia akan terjejas secara langsung berikutan usaha peralihan oleh rakan perdagangan utama. Perniagaan yang beralih kepada trend baharu ini secara mendadak atau lewat berkemungkinan mempunyai aset terkandas (aset yang susut nilai atau merosot nilainya di luar jangkaan) disebabkan oleh permintaan yang berkurang atau mengalami sekatan pengawalseliaan. Bagi institusi kewangan yang terdedah kepada perniagaan sedemikian, perubahan ini boleh menyebabkan risiko kewangan dan reputasi yang boleh memberi kesan negatif kepada kunci kira-kira dan keuntungan mereka.

- **Limpahan fiskal.** Selain kerugian kepada ekonomi dan kewangan swasta, risiko fizikal dan risiko peralihan yang berlaku juga akan memberikan kesan yang cepat dan meluas (*cascading effects*) kepada kewangan awam. Di samping dedahan langsung Kerajaan, terdapat juga risiko limpahan seperti pengurangan hasil cukai, spread kerajaan yang lebih tinggi dan perbelanjaan fiskal yang sangat besar akibat bencana alam.

[1] Ekonomi kitaran merupakan sistem perindustrian yang mempunyai matlamat dan reka bentuk yang bersifat pemulihan atau penjanaan semula. Konsep ekonomi kitaran adalah untuk memisahkan kegiatan ekonomi secara beransur-ansur daripada penggunaan sumber terhad yang tidak mampan dan seterusnya beralih kepada sistem yang direka untuk mengurangkan sisa dan pencemaran, mengekalkan penggunaan produk dan bahan serta menjana semula sistem semula jadi. Sumber: World Economic Forum (2014), "Towards the Circular Economy: Accelerating the Scale-up Across Global Supply Chains"; Ellen Macarthur Foundation (2020), "Financing the Circular Economy: Capturing the Opportunity".

Gambar Rajah 1:
Pemindahan risiko iklim kepada ekonomi dan sistem kewangan



Sumber: Network for Greening the Financial System (2020), "Guide for Supervisors: Integrating Climate-related and Environmental Risks into prudential supervision".

- **Risiko liabiliti.** Kerajaan, syarikat serta pengarah dan pegawai syarikat juga berkemungkinan besar menghadapi tindakan undang-undang kerana gagal menangani risiko berkaitan iklim dan alam sekitar dengan sewajarnya. Selain menanggung kos liabiliti akibat litigasi tersebut, ianya boleh juga meninggalkan kesan reputasi yang signifikan kepada pihak berkepentingan yang terlibat. Risiko ini boleh menjejaskan institusi kewangan yang memberikan perlindungan liabiliti, pembiayaan atau pelaburan kepada syarikat yang terlibat.

Berlatarkan keadaan ini, tumpuan utama Bank adalah **untuk menggalakkan daya tahan sistem kewangan** dengan meneruskan usaha Bank memantapkan pengurusan risiko berkaitan iklim dan alam sekitar dalam sektor kewangan.

Bank juga akan berusaha **menggalakkan persekitaran pasaran yang kondusif** untuk pembiayaan dan pelaburan hijau. Tindakan yang signifikan dan utuh diperlukan bagi menyokong peralihan yang teratur oleh isi rumah dan perniagaan Malaysia, serta memanfaatkan peluang daripada peralihan kepada ekonomi rendah karbon dan mampan. Pada ketika ini, usaha yang diperlukan untuk menangani risiko berkaitan iklim dan alam sekitar, seperti latihan semula, penggunaan teknologi baharu, penaiktarafan infrastruktur dan pemeliharaan ekosistem semula jadi, masih mengalami kekurangan dana. Dalam hal ini, Bank akan menyelaraskan rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan jika bersesuaian[2], dan menyokong mekanisme untuk menggembleng kewangan arus perdana dalam menyokong peralihan negara kepada ekonomi yang lebih lestari.

Gambar Rajah 2:
Meletakkan sistem kewangan pada kedudukan yang memudahkan peralihan secara teratur kepada ekonomi yang lebih lestari



A

Mengintegrasikan risiko berkaitan iklim dan alam sekitar dalam pengawalan dan penyeliaan berhemat

- Memastikan pelaksanaan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-Based Taxonomy, CCPT) yang berkesan bagi memudahkan penilaian risiko berkaitan iklim dan menggalakkan aliran kewangan ke arah kegiatan ekonomi yang melestarikan alam sekitar
- Menyelaras rangka kerja kehematan dan penyeliaan untuk merangkumkan pertimbangan risiko iklim dan alam sekitar
- Memperkukuh amalan penzahiran risiko iklim oleh institusi kewangan



B

Menyokong peralihan teratur kepada ekonomi rendah karbon

- Menambah baik ketersediaan, akses dan penggunaan data untuk menangani perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar
- Meningkatkan kewangan hijau untuk Malaysia yang lebih lestari
- Bekerjasama dengan agensi kerajaan untuk menyelaraskan respons sektor kewangan dengan strategi nasional ke arah mencapai sasaran neutral karbon dan sifar bersih
- Mewakili perspektif pasaran sedang pesat membangun mengenai perkembangan dan cabaran kewangan yang mampan



C

Menyepadukan risiko iklim dalam fungsi dan operasi dalaman Bank

- Memperkaya skop penilaian kestabilan makroekonomi dan kewangan Bank untuk merangkumi kesan iklim dan kelestarian
- Menguruskan aset kewangan Bank dengan memberikan pertimbangan yang lebih mendalam terhadap risiko iklim dan alam sekitar
- Menjalankan operasi fizikal Bank secara lebih lestari

[2] Selaras dengan mandat Bank untuk menggalakkan sistem kewangan yang kukuh, progresif dan inklusif di bawah seksyen 5 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

Peranan utama sektor kewangan dalam memperuntukkan dan menggunakan sumber ekonomi mampu menjadi pemangkin untuk menggalakkan peserta ekonomi Malaysia menerapkan amalan yang lebih lestari. Pada masa yang sama, hal ini seharusnya menggalakkan **peralihan yang adil dan teratur**, iaitu peralihan yang memperkukuh tindakan awal dan berterusan bagi menangani perubahan iklim dan isu berkaitan alam sekitar, sambil memberikan sokongan secukupnya kepada komuniti yang terjejas untuk membuat penyesuaian yang diperlukan dan memperbaiki kesan jangka pendek.

Bagi mencapai matlamat ini, Bank akan melaksanakan strategi yang berikut (lihat Gambar Rajah 2 untuk gambaran keseluruhan).

Strategi 4A
Mengintegrasikan risiko berkaitan iklim dan alam sekitar dalam pengawalan dan penyeliaan berhemat

Usaha Bank akan tertumpu pada penjajaran rangka kerja pengawalan dan penyeliaan sektor kewangan untuk mengambil kira risiko fizikal dan risiko peralihan yang berkaitan iklim serta alam sekitar. Usaha ini akan berasaskan rangka kerja yang sama untuk mengenal pasti dan merangkumi risiko berkaitan iklim dan alam sekitar merentas sektor kewangan bagi menyokong penilaian dan penzahiran risiko.

Bagi tujuan ini, Bank akan meneruskan tugas Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (Joint Committee on Climate Change, JC3)[3] untuk melaksanakan hasil yang berikut untuk sektor kewangan:

i. Memastikan pelaksanaan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-Based Taxonomy, CCPT[4]) yang berkesan bagi memudahkan penilaian risiko berkaitan iklim dan menggalakkan aliran kewangan ke arah kegiatan ekonomi yang melestarikan alam sekitar;
ii. Menyelaraskan rangka kerja kehematan dan penyeliaan merangkumkan pertimbangan risiko iklim dan alam sekitar; dan
iii. Memperkukuh amalan penzahiran risiko iklim oleh institusi kewangan.



i Memastikan pelaksanaan CCPT yang berkesan bagi memudahkan penilaian risiko berkaitan iklim dan menggalakkan aliran kewangan ke arah kegiatan ekonomi yang melestarikan alam sekitar

- Dengan penerbitan CCPT pada bulan April 2021, tumpuan Bank adalah untuk bekerjasama dengan industri melalui Kumpulan Pelaksana CCPT di bawah JC3 bagi **memastikan taksonomi tersebut dilaksanakan secara konsisten dan boleh dipercayai**. Usaha ini termasuk memperkaya repositori kes penggunaan untuk membimbing institusi kewangan dalam menggunakan CCPT.

[3] JC3 merupakan platform untuk melaksanakan tindakan kerjasama bagi membangunkan daya tahan iklim dalam sektor kewangan Malaysia. JC3 dipengerusikan bersama oleh Bank dan SC dengan ahli yang terdiri daripada pengurusan kanan Bursa Malaysia, industri kewangan dan pakar bidang berkaitan. JC3 terdiri daripada lima jawatankuasa kecil: Pengurusan Risiko; Tadbir Urus dan Penzahiran; Produk dan Inovasi; Keterlibatan dan Pembinaan Keupayaan; dan Menangani Jurang Data.

[4] Dokumen panduan CCPT diterbitkan pada 30 April 2021 untuk memberikan pemahaman yang sama kepada institusi kewangan bagi mengklasifikasikan dan melaporkan dedahan berkaitan iklim. Butiran lanjut boleh diakses melalui https://www.bnm.gov.my/documents/20124/938039/Climate+Change+and+Principle-based+Taxonomy.pdf



- Selain mengenal pasti dan menangani isu pelaksanaan, Bank akan menggalakkan pengintegrasian dan penjajaran selanjutnya dengan Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value-based Intermediation Assessment Framework, VBIAF) dan panduan sektoral rangka kerja tersebut, yang menyediakan instrumen khusus sektor[5] untuk institusi kewangan merangkumkan pertimbangan risiko ESG dalam keputusan pembiayaan dan pelaburan mereka. Selain usaha ini, Bank juga akan meneruskan usaha yang lebih meluas secara aktif untuk menggalakkan kebolehbandingan, penjajaran dan saling boleh kendali dengan taksonomi berkaitan ESG mengikut peredaran masa, seperti taksonomi Pelaburan yang Mampan dan Bertanggungjawab SC, Taksonomi ASEAN untuk Kewangan Mampan dan taksonomi lain yang diterima pakai pada peringkat global, jika bersesuaian. Hal ini penting untuk merangsang pembiayaan luar dan pelaburan asing dalam usaha mitigasi dan adaptasi.

ii Menyelaraskan rangka kerja kehematan dan penyeliaan untuk merangkumkan pertimbangan risiko iklim dan alam sekitar

- Bank akan **mengukuhkan kehendak penyeliaan untuk institusi kewangan mengenal pasti, mengukur, memantau dan menguruskan dedahan kepada risiko berkaitan iklim dan alam sekitar.** Usaha ini termasuk menetapkan kehendak bagi institusi kewangan untuk menyelaraskan strategi perniagaan dan risiko, dengan komitmen kelestarian mereka (seperti pencapaian sifar bersih dan sasaran pembiayaan hijau) dan memantau pelan peralihan dengan sewajarnya.

- Bank akan **menyemak rangka kerja kehematan sedia ada untuk menyelaraskan kehendak ke atas institusi kewangan untuk meningkatkan daya tahan mereka terhadap risiko iklim dan alam sekitar.** Usaha ini termasuk pertimbangan pelarasan yang berkaitan dengan keperluan kehematan (contohnya, wajaran risiko modal, proses penilaian kecukupan modal dalaman, had dedahan rakan niaga dan olahan cagaran), jika bersesuaian.

Bank akan bekerjasama dengan industri dan pihak berkepentingan yang lebih luas untuk mengumpul data dan menjalankan penyelidikan bagi memaklumkan sebarang pelarasan pada rangka kerja kehematan. Penyesuaian keperluan pengawalseliaan akan mempertimbangkan ciri-ciri unik risiko tersebut, termasuk sifat ketidakpastian yang ketara, tidak linear dan berpandangan ke hadapan. Oleh itu, pertimbangan penyeliaan akan memainkan peranan yang penting.

[5] Sehingga kini, panduan sektoral telah dikeluarkan untuk enam aktiviti/sektor yang berikut: Minyak Sawit; Tenaga Boleh Diperbaharui; Kecekapan Tenaga; Minyak dan Gas; Pembinaan dan Infrastruktur; dan Perkilangan.

Bank juga akan memberikan perhatian yang teliti untuk memastikan perlindungan disediakan bagi membendung tindakan sesetengah syarikat yang mendakwa produk mereka sebagai mesra alam sekitar (*greenwashing*). Selain itu, rangka kerja pengawalseliaan akan mencerminkan peranan dan kehendak yang amat perlu bagi institusi kewangan untuk menyokong aktiviti peralihan. Bagi tujuan ini, Bank akan berusaha memastikan institusi kewangan mempertimbangkan keperluan pelanggan yang paling mudah terjejas akibat risiko fizikal dan risiko peralihan serta menyokong usaha mereka untuk menyesuaikan diri.

- Bank juga akan terus menyokong usaha industri untuk memperluas ketersediaan program teknikal pertengahan dan lanjutan mengenai risiko berkaitan iklim bagi mengukuhkan keupayaan profesional sektor kewangan dalam bidang pengurusan risiko iklim dan alam sekitar. Usaha ini termasuk bekerjasama dengan pakar bidang daripada badan profesional dan institusi akademik, termasuk Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF), Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM), Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) dan Asia School of Business (ASB), untuk membangunkan penyelesaian latihan berstruktur yang relevan dengan konteks Malaysia.

iii Memperkukuh amalan penzahiran risiko iklim oleh institusi kewangan

- Bank akan **memperkukuh amalan penzahiran dedahan risiko berkaitan iklim oleh institusi kewangan**. Pelan hala tuju yang jelas akan diumumkan kepada semua institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank untuk membuat penzahiran risiko berkaitan iklim mandatori yang sejajar dengan saranan Pasukan Petugas Mengenai Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim (Task Force on Climate-related Financial Disclosures, TCFD). Penzahiran ini bertujuan menyediakan lebih ketelusan kepada pasaran, mengekalkan risiko dan strategi perniagaan institusi kewangan yang sejajar dengan pertimbangan iklim serta menggalakkan kesan limpahan yang cepat dan meluas untuk turut menambah baik penzahiran oleh perniagaan yang diberikan pembiayaan dan pelaburan. Penzahiran yang lebih berkualiti akan seterusnya memudahkan aliran kewangan kepada aktiviti yang menyokong masa hadapan yang lebih lestari.

> Penzahiran risiko berkaitan iklim merupakan langkah yang amat perlu bagi menangani jurang data iklim dan memacu peralihan ke arah ekonomi pelepasan sifar bersih

Gambar Rajah 3:
Gambaran Keseluruhan TCFD

Bidang tematik	*Cadangan penzahiran*	*Prinsip bagi penzahiran yang berkesan*
 **Tadbir urus**	◆ Pengawasan Lembaga terhadap risiko perubahan iklim dan peluang ◆ Peranan Pengurusan dalam menilai dan mengurus risiko perubahan iklim dan peluang	◆ Menunjukkan maklumat yang berkaitan ◆ Khusus dan lengkap ◆ Jelas, seimbang dan boleh difahami ◆ Konsisten sepanjang masa ◆ Boleh dibandingkan antara syarikat dalam industri sektor ◆ Boleh dipercayai, disahkan dan objektif ◆ Disediakan tepat pada masanya
 **Strategi**	◆ Kesan risiko perubahan iklim dan peluang terhadap perniagaan, strategi dan perancangan kewangan organisasi ◆ Daya tahan strategi organisasi, dengan mengambil kira pelbagai senario berkaitan iklim	
 **Pengurusan risiko**	◆ Proses organisasi untuk mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko iklim ◆ Penyepaduan risiko iklim dalam pengurusan risiko keseluruhan	
 **Metrik dan sasaran**	◆ Metrik yang digunakan untuk menilai risiko perubahan iklim dan peluang selaras dengan strategi dan proses pengurusan risiko ◆ Pelepasan gas rumah hijau ◆ Sasaran yang digunakan untuk menguruskan risiko perubahan iklim dan peluang serta prestasi berbanding dengan sasaran	

Sumber: TCFD (2017), "Final Report: Recommendations of the Task Force on Climate-related Financial Disclosures".

Strategi 4B
Menyokong peralihan teratur kepada ekonomi rendah karbon

Cabaran alam sekitar, termasuk perubahan iklim, adalah sangat kompleks. Bagi menangani cabaran ini dengan berkesan, usaha bersepadu merentas pelbagai pihak berkepentingan, yang lazimnya di luar sempadan negara, serta dilaksanakan secara berterusan adalah perlu.

Dalam hal ini, sektor kewangan mempunyai peranan yang sangat penting. Haluan ke arah neutral karbon dan akhirnya sifar bersih memerlukan pelaburan hijau yang signifikan dan kewangan peralihan disalurkan kepada inisiatif yang mengurangkan jejak karbon Malaysia (contohnya, penyelesaian tenaga boleh diperbaharui, menilai semula sistem pengangkutan, bandar rendah karbon) serta meningkatkan daya tahan iklim (contohnya, perlindungan terhadap kenaikan aras laut, cuaca melampau). Perniagaan juga memerlukan pembiayaan untuk beralih kepada model perniagaan baharu, menyesuaikan semula amalan sedia ada dan menerapkan teknologi baharu. Di Malaysia, permintaan terhadap dana pelaburan hijau dijangka meningkat kepada RM76.2 bilion menjelang tahun 2030[6] dan lebih banyak pelaburan diperlukan pada tahun-tahun akan datang untuk membiayai peralihan Malaysia kepada pelepasan sifar bersih dan kelestarian yang lebih meluas. Oleh itu, amat penting untuk institusi kewangan meningkatkan usaha dan menggembleng modal dengan segera bagi menyokong permintaan yang semakin meningkat terhadap dana hijau dan peralihan pada masa akan datang.

Matlamat untuk memenuhi keperluan ini menuntut peningkatan sumber pendanaan awam dan swasta yang ketara bagi memanfaatkan sepenuhnya permintaan global yang semakin meningkat terhadap peluang pelaburan hijau yang bermakna dan boleh diukur. Dalam hal ini, pelaksanaan CCPT oleh institusi kewangan akan memainkan peranan yang penting bagi membantu menyalurkan dana kepada projek hijau yang boleh dilaburkan.

Sebagai pelengkap kepada peranan institusi kewangan, strategi memantapkan landskap ini (yang dinyatakan dalam bab “Membiayai transformasi ekonomi Malaysia”) juga akan memberikan tumpuan khusus untuk menangani jurang pendanaan bagi projek hijau berkeutamaan tinggi, di mana risiko atau peluang yang disebabkan oleh perubahan iklim yang amat ketara kepada ekonomi Malaysia. Hal ini merangkumi penggunaan pelbagai instrumen pembiayaan seperti kewangan alternatif untuk memenuhi keperluan keutamaan kewangan hijau yang pelbagai.

[6] Sumber: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia (2017), “Green Technology Master Plan Malaysia 2017-2030”.

Dasar-dasar Kerajaan juga perlu bergerak seiring untuk mengatasi halangan atau memberikan insentif kepada model ekonomi yang lebih mampan. Dasar negara yang jelas akan menyediakan asas untuk agenda pembaharuan yang kohesif oleh agensi sektor awam, pengawal selia, perniagaan, masyarakat sivil dan pengguna. Asas ini juga perlu disokong oleh usaha bina upaya untuk memperluas akses kepada kemahiran, pengetahuan, teknologi dan data yang diperlukan untuk melaksanakan pembaharuan yang berkaitan dengan iklim dan alam sekitar.

Bank komited untuk memainkan peranannya sebagai bank pusat dan pengawal selia kewangan dalam usaha 'pendekatan menyeluruh kerajaan' dan 'seluruh masyarakat' yang lebih meluas. Khususnya, Bank akan melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

i. Menambah baik ketersediaan, akses dan penggunaan data untuk menangani perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar;
ii. Meningkatkan kewangan hijau untuk Malaysia yang lebih lestari;
iii. Bekerjasama dengan agensi kerajaan untuk menyelaraskan respons sektor kewangan dengan strategi nasional ke arah mencapai sasaran neutral karbon dan sifar bersih; dan
iv. Mewakili perspektif pasaran sedang pesat membangun mengenai perkembangan dan cabaran kewangan yang mampan.

i Menambah baik ketersediaan, akses dan penggunaan data untuk menangani perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar

- Bank akan **menyokong penggunaan instrumen digital canggih untuk memenuhi keperluan sektor kewangan berhubung dengan data yang tepat, terperinci dan khusus dari segi lokasi** bagi menyokong kes penggunaan risiko iklim mitigasi dan adaptasi. Sebagai contoh, data yang pelbagai seperti ini boleh membantu:

  - ☐ Menjangka insiden risiko fizikal (contohnya, kemarau dan banjir) yang menyebabkan kerugian ekonomi, dan dengan itu memaklumkan dan memberikan ganjaran tentang usaha adaptasi melalui premium insurans/ sumbangan takaful yang lebih rendah;



Ketersediaan dan ketelusan data berkaitan iklim di Malaysia merupakan prasyarat untuk pengurusan risiko yang berkesan dalam sektor kewangan

- ☐ Memendekkan tempoh tuntutan insurans dengan mengaitkan pembayaran dengan pencetus berkaitan iklim yang telah ditetapkan lebih awal (contohnya, banjir melebihi paras tertentu) tanpa perlu menilai kerugian atau kerosakan sebenar aset fizikal;
- ☐ Mengesan pelepasan dengan cara yang boleh dipercayai untuk mengesahkan amalan kelestarian dan menangani risiko *greenwashing*; dan
- ☐ Mengukur dan mengesahkan tangkapan karbon (*carbon capture*) di hutan hujan dari jarak jauh untuk memberikan jaminan yang cekap terhadap pasaran karbon secara sukarela (*voluntary carbon markets*) dan skim perdagangan pelepasan.

- ■ Melalui Jawatankuasa Kecil JC3 bagi Menangani Jurang Data, Bank akan bekerjasama dengan agensi kerajaan, institut akademik, syarikat teknologi dan peserta lain yang berkaitan untuk **mengenal pasti keperluan data yang sangat penting dan mewujudkan akses terbuka kepada sumber data yang berkaitan**. Kerjasama ini akan meningkatkan secara berterusan ketersediaan data yang sangat penting kepada risiko iklim dan strategi perniagaan.

ii Meningkatkan kewangan hijau untuk ekonomi Malaysia yang lebih lestari

- ■ Bank akan **bekerjasama dengan peserta industri seperti Cagamas Berhad, CGC dan institusi kewangan pembangunan untuk terus membangunkan dan mengembangkan mekanisme pendanaan dan pengurangan risiko khusus**, misalnya Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (Low Carbon Transition Facility, LCTF) dan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (Green Technology Financing Scheme, GTFS). Kerjasama ini bertujuan menggalakkan peningkatan kewangan hijau, terutamanya untuk PKS, melalui penambahbaikan dan perlindungan kredit secara bersasar, serta akses kepada pendanaan dengan kos yang lebih rendah untuk aktiviti sokongan dan peralihan iklim. Bank juga akan menyokong usaha untuk melibatkan sektor kewangan dalam membangunkan pasaran karbon, seperti skim perdagangan pelepasan domestik dan pasaran karbon secara sukarela. Hal ini bagi menggalakkan penetapan harga pelepasan luaran yang lebih baik dan meningkatkan aliran modal kepada penyelesaian berasaskan alam semula jadi seperti pemuliharaan hutan hujan.

iii Bekerjasama dengan agensi kerajaan untuk menyelaraskan respons sektor kewangan dengan strategi nasional ke arah mencapai sasaran neutral karbon dan sifar bersih

- ■ Bank akan **terus menyelaraskan usahanya dengan objektif Malaysia yang lebih meluas untuk melaksanakan kelestarian, seperti yang digariskan dalam RMK12 dan menurut strategi kebangsaan yang ditetapkan oleh Majlis Tindakan Perubahan Iklim Malaysia (Malaysia Climate Change Action Council, MyCAC)**. Dasar dan inisiatif sektor kewangan, termasuk yang dinyatakan di atas, untuk membina daya tahan sektor kewangan dan memupuk persekitaran yang kondusif bagi pembiayaan dan pelaburan hijau, akan mengambil kira komitmen negara di bawah Perjanjian Paris dan pengenalan perundangan perubahan iklim yang akan memformalkan sasaran iklim negara dan garis masa untuk mencapai pelepasan gas rumah hijau sifar bersih.



- Untuk **menggalakkan sinergi antara dasar peringkat kebangsaan dengan inisiatif sektor kewangan**, Bank akan turut bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk menggalakkan tindakan yang tepat pada masanya dan terselaras dalam bidang keutamaan tinggi di bawah pelan hala tuju kewangan mampan Malaysia yang akan diterbitkan. Tumpuan khusus akan diberikan pada usaha memastikan peralihan yang teratur, memantapkan adaptasi risiko fizikal, serta menggalakkan bidang kelebihan bersaingan (*competitive advantage*).

iv Mewakili perspektif pasaran sedang pesat membangun mengenai perkembangan dan cabaran kewangan yang mampan

Usaha global ke arah menjana hasil yang saksama adalah amat penting

- Pendekatan global yang inklusif bagi mengatasi perubahan iklim amat penting bagi menjana hasil yang saksama untuk semua. Sehubungan dengan itu, Bank akan **terus mengambil bahagian dalam usaha antarabangsa untuk memacu perspektif pasaran sedang pesat membangun dan ASEAN mengenai kewangan mampan**. Sokongan terhadap ekonomi sedang pesat membangun dalam menguruskan limpahan peralihan daripada momentum antarabangsa yang semakin meningkat ke arah sifar bersih (contohnya, akses pasaran yang berkurang dan kehilangan pekerjaan disebabkan oleh perubahan permintaan dan pengawalseliaan) akan menjadi sangat penting. Banyak ekonomi sedang pesat membangun juga menghadapi cabaran daripada risiko fizikal yang teruk dan berusaha untuk mengeluarkan sebahagian besar penduduk mereka daripada kemiskinan. Pada masa yang sama, banyak ekonomi sedang pesat membangun mempunyai modal semula jadi bernilai tinggi tetapi terkurang harga (*under-priced*) yang berpotensi untuk menjadi kawasan tadahan karbon dan pusat simpanan biodiversiti global.

- Melalui keanggotaan Bank dalam Network for Greening the Financial System (NGFS) serta penglibatan dalam badan dan platform penetapan standard antarabangsa yang lain, Bank akan **menggalakkan kerjasama yang bermakna untuk memacu inisiatif pembinaan keupayaan selain menyampaikan maklumat mengenai strategi dan piawaian global tentang risiko iklim dan kewangan mampan**.

- Di rantau ini, Bank akan terus bekerjasama rapat dengan South East Asian Central Banks (SEACEN), Menteri Kewangan ASEAN dan Gabenor-Gabenor Bank Pusat, serta rakan kerjasama lain untuk menangani isu-isu lazim yang dihadapi dalam pengurusan risiko iklim dan alam sekitar. Hal ini termasuk usaha menangani batasan data di seluruh rantau ini bagi menyokong pengawasan risiko yang lebih berkesan dan bekerjasama untuk memperkukuh rangka kerja pengawalan dan penyeliaan. Bank juga akan menyokong usaha-usaha yang lebih meluas dalam pembangunan Peta Hijau ASEAN bagi menggalakkan pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu dalam menangani isu-isu kemampanan di seluruh pasaran perbankan, insurans dan modal di rantau ini.

Strategi 4C

Menyepadukan risiko iklim dalam fungsi dan operasi dalaman Bank

Bank mengambil pendekatan holistik dalam organisasinya untuk menyepadukan risiko iklim dan pertimbangan kelestarian dalam melaksanakan mandat Bank.

Bagi tujuan ini, Bank akan melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

i. Memperkaya skop penilaian kestabilan makroekonomi dan kewangan Bank untuk merangkumi kesan iklim dan kelestarian;
ii. Menguruskan aset kewangan Bank dengan memberikan pertimbangan yang lebih mendalam terhadap risiko iklim dan alam sekitar; dan
iii. Menjalankan operasi fizikal Bank secara lebih lestari.

i Memperkaya skop penilaian kestabilan makroekonomi dan kewangan Bank untuk merangkumi kesan iklim dan kelestarian

Bank komited untuk menguruskan risiko iklim dalam seluruh fungsi dasar Bank dan mengurangkan pelepasan daripada operasi fizikal Bank

- Bank menyasarkan untuk **menjalankan ujian tekanan risiko iklim ke atas industri kewangan menjelang tahun 2024**. Ujian tekanan ini akan menilai kesan perubahan iklim terhadap kunci kira-kira institusi kewangan sepanjang tempoh 30 tahun akan datang dan menganggarkan potensi kerugian kewangan yang mungkin berlaku. Tindakan ini akan dilengkapi dengan usaha untuk memodelkan impak makroekonomi dan sistem kewangan akibat kejutan iklim berdasarkan pelbagai senario iklim, berlandaskan senario yang dibangunkan oleh NGFS.

- **Bank akan meningkatkan tugasan pengawasan dan pengunjuran untuk memahami dengan lebih mendalam kesan perubahan iklim kepada pemboleh ubah makroekonomi utama**. Hal ini termasuk sesi libat urus dengan pemimpin perniagaan dan pihak berkepentingan lain yang berkaitan untuk lebih memahami penyebaran risiko fizikal dan risiko peralihan kepada sektor benar, termasuklah kesan yang menyusuli (*knock-on effect*) terhadap seluruh rantaian bekalan. Bank juga akan berusaha untuk memahami dengan lebih mendalam kesan perubahan ini terhadap pengendalian dasar monetari.

Diagram 4:
Gambaran keseluruhan proses analisis senario



Sumber: TCFD (2017), "Technical Supplement: The Use of Scenario Analysis in Disclosure of Climate-related Risks and Opportunities".

ii Menguruskan aset kewangan Bank dengan memberikan pertimbangan yang lebih mendalam terhadap risiko iklim dan alam sekitar

- Bank akan **menerapkan cadangan TCFD dan terus meningkatkan penzahiran kewangan berkaitan iklim Bank**, berlandaskan penzahiran yang dibuat sejak tahun 2020. Usaha akan tertumpu pada peluasan dedahan untuk merangkumi risiko pengurusan, matriks dan sasaran yang berkaitan dengan operasi Bank.

- Bank akan **merangkumkan pertimbangan risiko iklim dan alam sekitar ke dalam portfolio aktiviti pengurusan Bank**. Langkah ini bertujuan untuk menguruskan dedahan Bank kepada risiko iklim dan alam sekitar, di samping menyumbang kepada peralihan ke arah pengurangan pelepasan dengan cara yang konsisten dengan matlamat pelaburan Bank. Strategi pelaburan Bank akan mengambil kira faktor dan prinsip ESG dan Pelaburan yang Mampan dan Bertanggungjawab (Sustainable and Responsible Investment, SRI) sambil Bank menguruskan kesan portfolionya terhadap alam sekitar selaras dengan pulangan kewangan yang mampan.

iii Menjalankan operasi fizikal Bank secara lebih lestari

- Dalam pengurusan fasiliti, Bank akan **meningkatkan kecekapan tenaga dan beralih ke arah prinsip kitaran dalam pengurusan sisa.**

- Berkaitan dengan pengurusan mata wang, Bank akan **terus menggalakkan pengeluaran dan penggunaan wang kertas polimer jangka hayat lebih panjang**. Hal ini akan mengurangkan jumlah pelupusan wang kertas dari semasa ke semasa. Bank juga akan mengkaji cara yang lebih mampan untuk melupuskan wang kertas yang telah dirincih di samping menggandakan usaha untuk memacu penggunaan e-pembayaran, yang juga akan menggalakkan agenda pendigitalan yang lebih meluas.



